

PERIBAHASA TAMIL BERIMEJ LADA HITAM

SEBAGAI TRADISI LISAN: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

TANGAPRABU MURTHY *

MARY FATIMAH SUBET **

MUHAMMAD ZAID DAUD ***

tangaprabu@gmail.com*, sufatimah@unimas.my**, zaid_daud93@yahoo.com***

Abstrak

Tradisi lisan merupakan salah satu cabang bagi penciptaan peribahasa Tamil. Peribahasa ini dicipta dan dihasilkan daripada pengamatan lapisan masyarakat India terhadap keistimewaan alam semula jadi di sekeliling mereka secara implisit. Namun begitu, penerokaan makna peribahasa Tamil yang dijalankan oleh pengkaji lepas hanya terhad di peringkat semantik skrip dan semantik resonans sahaja. Oleh itu, objektif kajian adalah menganalisis peribahasa Tamil berunsur lada hitam menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) serta dibantu pendekatan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui temu bual secara mendalam ke atas empat orang informan yang pilih secara NORF/M (Non-Mobile, Old, Remote dan Female/Male). Keseluruhannya, pengkaji memperoleh sebanyak 25 data peribahasa Tamil berunsurkan tumbuh-tumbuhan. Namun begitu, sebagai batasan kajian ini pengkaji hanya akan memfokuskan data peribahasa Tamil berunsurkan lada hitam sahaja. Data peribahasa Tamil tersebut seperti, கடுகுபோன்றிடம் ஆராய்வர், பூசணிக்காய்போன்றிடம்தெரியாத (Transkripsi Rumi: **Kadagu** pona idam aarayvaar, poosanikay pona idam theriyathu) dan கடுகுசிருத்தாலும்காரம் குறையாது (Transkripsi Rumi: **Kadugu** siruthalum kaaram kuraiyaathu). Melalui kajian ini pengkaji dapat merumuskan bahawa, peribahasa Tamil ini tidak diciptakan secara sewenang-wenangnya tetapi, mempunyai kaitan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat India pada zaman dahulu.

Kata Kunci: tradisi lisan, peribahasa Tamil, lada hitam, semantik inkuisitif

Dihantar : 25 Januari 2018 Disemak : 20 September 2019

Diterbit : 31 September 2019

* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

** Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

*** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

